

→ JANJI DITEPATI

RUMAH MAMPU MILIK



Saya beruntung apabila isteri mengambil langkah awal membuat permohonan rumah berkenaan. Walaupun murah berbanding harga pasaran, kualiti rumah ini bukan seperti rumah kos rendah selain kawasan yang strategik dan tenang”

Wan Mohammad Wan Din



Pelaksanaan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) langkah terbaik kerajaan menyediakan rumah khusus kepada kakitangan kerajaan kerana tidak lagi tersepit membeli rumah, terutama apabila harga ditawarkan tak membebankan”

Mohd Redzuan Abdul Rahim

Imbangi jurang sosioekonomi

➔ Inisiatif kerajaan bantu rakyat miliki kediaman

Oleh Azura Abas, Irwan Shafrizan Ismail dan Nursyahira Marzuki
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Penyediaan rumah mampu milik jelas menunjukkan komitmen kerajaan untuk memenuhi agenda perumahan untuk rakyat, terutama membantu golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40) memiliki kediaman masing-masing.

Penganalisis Ekonomi, Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata inisiatif yang wajar diteruskan itu turut membantu dalam mengimbangi jurang sosioekonomi, terutama bagi penduduk di bandar.

“Bayangkan sekiranya tiada intervensi (campur tangan) daripada kerajaan menerusi inisiatif membina rumah mampu milik, pasti akan memberi kesan dari segi ekonomi dan sosial yang mana akan berlaku lambakan rumah kerana pemaju perumahan menjual rumah pada harga terlalu tinggi yang tidak mampu dimiliki rakyat.

Beri kesan kepada sektor kewangan

“Ia juga akan memberi kesan kepada sektor kewangan kerana tiada pihak mahu membuat pinjaman dan kita tidak mahu sampai pemaju mendesak kerajaan memberi pemilikan rumah berharga kurang daripada RM1 juta kepada warga asing.

“Kita juga tidak mahu lihat rakyat merempat di negara sendiri dan terpaksa menyewa sehingga akhir hayat mereka tanpa langsung berpeluang untuk memiliki kediaman mahupun

MENYEDIAKAN RUMAH MAMPU MILIK



SASARAN MENGIKUT AGENSI

PRIMA	PPA-MI	SPNB	0000	KWP	PEIDA	000000	icu BPPBPP
500,000	200,000	99,995	63,160	80,000	20,000	14,985	9,711
PSMA	MINDEF	000000	000000	MOA	MCF	KERAJAAN NEGERI	SEKTOR SWASTA
11,012	2,043	3,000	2,000	1,388	4,000	144,899	58,123

CATATAN

Jumlah dalam rundingan adalah baki komitmen oleh agensi yang belum ditentukan lokasi

Status pelaksanaan sehingga 28 Februari 2018

aset mereka sendiri,” katanya kepada NSTP di sini, semalam.

Dalam Aku Janji Kerajaan Persekutuan (AKP) 2013-2018, menerusi inisiatif menyediakan rumah mampu milik, sejumlah 145,983 unit rumah mampu milik di seluruh negara sudah siap dibina kerajaan sehingga kini. Sebanyak 310,498 unit sedang

dalam pembinaan, 447,750 dalam perancangan, manakala 95,769 membabitkan baki komitmen dan rundingan.

Daripada jumlah itu, Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) berada di landasan memenuhi komitmennya membina 500,000 rumah, manakala selebihnya memba-

bitkan projek seperti Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB), Projek Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan beberapa agensi dan kementerian, termasuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Syor teroka pasaran hartanah penuh permintaan

Putrajaya: Inisiatif kerajaan menyediakan pelbagai projek rumah mampu milik bukan sahaja perlu diteruskan, malah pada masa sama disaran meneroka pasaran hartanah sekunder atau subjualan dalam usaha menampung permintaan rakyat yang mahu memiliki kediaman sendiri.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Hartabumi.com, Radzi Tajuddin, berkata permintaan bagi Projek Rumah 1Malaysia (PR1MA) sangat tinggi, difahamkan mencecah 1.5 juta permohonan.

Katanya, ketika PR1MA sedang dijalan atau dibangunkan, kenapa tidak kerajaan turut meneroka pasaran subjualan kerana ada kediaman yang ditawarkan pada harga lebih murah berbanding rumah baharu.

“Kerajaan boleh mainkan peranan dengan menjadi pemudah cara antara pembeli dan juga penjual bagi pasaran subjualan (subsale) ini,” katanya kepada NSTP.

Beliau turut mencadangkan supaya projek perumahan mampu milik yang akan dibangunkan selepas ini turut mengambil kira lokasi dan kemudahan akses pengangkutan awam kepada pembeli.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Sains Forensik, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Geshina Ayu Mat Saat, berkata memiliki kediaman sendiri yang lebih selesa bagi B40 dan M40 di negara ini turut membantu dalam menangani masalah sosial yang boleh menjejaskan institusi kekeluargaan.

“Kerap kita lihat masalah sosial yang meruncing di kawasan penempatan padat dan setinggan, jadi masalah perumahan ini boleh menyumbang kepada masalah lain seperti keganasan, buli, lari rumah dan jenayah lain,” katanya.



Kerajaan boleh mainkan peranan dengan menjadi pemudah cara antara pembeli dan juga penjual bagi pasaran subjualan (subsale)”

Radzi Tajuddin,
Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas
Hartabumi.com